# SOALAN-SOALAN LAZIM

## KEMUDAHAN BANTUAN BENCANA 2022

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1 | Apakah Kemudahan Bantuan Bencana? | **Kemudahan Bantuan Bencana** adalah kemudahan pembiayaan khas diberikan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas akibat bencana banjir, bagi tujuan:<br>• Pembaikan dan/atau penggantian aset untuk kegunaan perniagaan yang telah rosak akibat bencana alam; dan/atau<br>• Modal kerja. |
| 2 | Berapa had jumlah pembiayaan di bawah Kemudahan Bantuan Bencana? | **Had jumlah pembiayaan diberikan mengikut kategori seperti dibawah:-**<br>• Sehinggan RM500,000.00 bagi setiap PKS: dan<br>• Sehingga RM75,000.00 bagi setiap perusahaan Mikro<br>Nota: Had yang sama akan dikenakan ke atas syarikat sekutu PKS tersebut yang mempunyai pegangan saham bersama sama/lebih daripada 20% |
| 3 | Berapakah kadar keuntungan pembiayaan di bawah Kemudahan Bantuan Bencana? | Kadar keuntungan efektif maksimum pembiayaan adalah sehingga **3.50% setahun**, termasuk fi jaminan. |
| 4 | Berapakah **tempoh maksimum** dibawah Kemudahan Bantuan Bencana? | Sehingga lima (5) tahun, termasuk tempoh moratorium selama enam (6) bulan ke atas bayaran bulanan. Tempoh moratorium juga boleh dipanjangkan bergantung kepada keadaan pelanggan. |
| 5 | Bilakah tarikh mula dan akhir permohonan bagi Kemudahan Bantuan Bencana? | Permohonan boleh dibuat bermula pada **27 Disember 2021** sehingga dana selesai digunakan atau sehingga pemberitahuan kelak. |
| 6 | Adakah sebarang perlindungan jaminan diperlukan untuk Kemudahan Bantuan Bencana? | Ya, 80% perlindungan jaminan daripada Credit Guarantee Corportion Malaysia (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) diperlukan untuk kemudahan ini. |
| 7 | Bagaimanakah cara untuk memohon Kemudahan Bantuan Bencana? | Pelanggan boleh memohon melalui **saluran komunikasi rasmi** seperti berikut:-<br>• Mengunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan. |
| 8 | Berapa lamakah tempoh pemprosesan permohonan pelanggan? | Setiap permohonan akan diproses tidak melebihi **dua (2) minggu** setelah menerima dokumen berkaitan. |
| 9 | Apakah **syarat kelayakan** Kemudahan Bantuan Bencana? | Syarat kelayakan adalah seperti berikut:-<br>• Pemohon adalah PKS atau perusahaan Mikro yang terjejas berikutan bencana.<br>• Lokasi perniagaan di kawasan yang berlakunya bencana dan termasuk dalam senarai kawasan yang terkesan sepertimana yang diisytiharkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara. |

| | | |
|---|---|---|
| 10 | Apakah **bantuan-bantuan lain** yang ditawarkan sekiranya saya terjejas dengan bencana? | Selain daripada Kemudahan Bantuan Bencana ini, pihak Bank juga menawarkan Bantuan Moratorium Banjir seperti:<br>• Penangguhan sementara bayaran ansuran bulanan untuk tempoh sehingga enam (6) bulan (Moratorium): atau<br>• Penjadualan dan penstrukturan semula bayaran pembiayaan<br>**<u>Nota: Terpakai bagi pelanggan sedia ada Bank sahaja.</u>** |
| 11 | Bagaimana cara untuk pelanggan mendapatkan maklumat lanjut mengenai Kemudahan Bantuan Bencana ini? | Pelanggan boleh menghubungi **Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476** |

27 Disember 2021